

Berita Harian

Minda Pengarang

Afrika Selatan boleh belajar dari Malaysia

MALAYSIA sentiasa mengikuti perkembangan di Afrika Selatan kerana ia mempunyai kesan penting dalam konteks hubungan yang sedia terjalin. Sebagaimana rakyat negara itu mengharapkan peristiwa lama sewaktu pemerintahan rejim Aparteid tidak berulang, kita juga mengharapkan negara yang dipimpin Presiden Nelson Mandela itu terus membangun tanpa sebarang masalah baru. Rakyat Afrika Selatan sudah mengalami pelbagai peristiwa pahit dan tentunya keadaan aman yang mereka alami sekarang, jauh lebih baik. Malaysia memahami perjuangan rakyat majoriti negara itu dan sentiasa mahukan perhubungan yang akrab sentiasa terjalin bermula dengan pemimpin, diikuti rakyat. Untuk membuktikan persahabatan, pemimpin kedua negara, sering bertukar lawatan dengan bertukar mesej dan pengalaman baru.

Pada masa ini, Malaysia dikunjungi Timbalan Presiden negara itu, F W De Klerk. Afrika Selatan, sesungguhnya sedang mengharungi pelbagai cabaran baru untuk membangunkan negaranya. Sebagai negara yang baru terlepas daripada cengkaman kekejaman, ia menghadapi pelbagai kekurangan sumber, disiplin fiskal, te-

naga mahir, modal dan sebagainya. Untuk membangunkan sesebuah negara bukanlah semudah yang disangka kerana ia juga memerlukan dasar ekonomi yang baik. Dengan dasar yang mantap, barulah ia dapat mengembangkan pelaburan dan perdagangan. Pelabur dan pedagang tidak akan mencurah modal, tanpa benar-benar yakin mereka dapat membantu proses pembangunan negara itu dan pada masa yang sama mendapat sedikit untung. Sebesar mana sekali pun potensi ekonomi di sesebuah negara, tanpa disokong kestabilan politik, akan menyebabkan golongan kapitalis kurang menaruh minat. Malah, orang yang ingin mengambil kesempatan, mudah memburukkan keadaan.

Oleh itu, kita dengan hati terbuka, merelakan jika Afrika Selatan mahu mempelajari model pembangunan negara ini. Malah, kita juga tidak keberatan menghantar pakar-pakar kita untuk memberi nasihat yang diperlukan.

Untuk merangka satu dasar ekonomi di sesebuah negara baru yang penuh dengan prejudis, bukannya semudah itu. Namun, menerusi kejujuran pemimpinnya, kita berharap Afrika Selatan akan dapat dimaju-

kan dengan jaya. Dari segi ekonomi, Afrika Selatan bukan saja dianggap masih rapuh, malah ketahanan politiknya juga masih belum begitu ampuh. Bagi negara itu, setiap percaturan perlu dilakukan dengan cermat demi mengelakkan sebarang pertelingkahan baru. Tidak hairanlah semua parti dalam kerajaan Perpaduan Nasional perlu sentiasa bersepakat dalam setiap keputusan yang mahu diambil. Hanya perpaduanlah saja yang dapat menjamin kesejahteraan. Malaysia adalah antara negara yang boleh dicontohi dalam proses membuat keputusan. Ini kerana Malaysia mempunyai pengalaman luas dalam memastikan rakyat pelbagai kaum terus hidup aman dan sejahtera.

Daripada perkembangan Afrika Selatan setakat ini, kita begitu yakin rakyat dan kerajaannya mampu melaksanakan kemajuan asalkan mereka mematuhi undang-undang yang ditetapkan. Sudah tentu ia memerlukan negara sahabat untuk memberi sokongan moral dan fizikal dalam menjayakan cita-cita berkenaan.

Di satu majlis di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri semalam, De Klerk mengakui bahawa dalam tempoh 18 bulan lalu, negara itu menempuh satu se-

jarah yang amat besar maknanya yang membawa transformasi masyarakatnya.

Dengan penghapusan Aparteid, Afrika Selatan berjaya menubuhkan sebuah negara berperlembagaan yang berasaskan kepada peraturan undang-undang. Bagi rakyat Afrika Selatan sekarang, piagam hak fundamental dan prinsip perlembagaan adalah paling agung. Negara itu juga melaksanakan mahkamah perlembagaan yang bebas dan tidak kurang pentingnya mengamalkan sistem demokrasi pelbagai parti berasaskan kepada kedudukan perwakilan. Sebagai negara sahabat, Malaysia mengharapkan Afrika Selatan terus membangun dan negara ini boleh turut membantu proses pembangunannya. Pada masa yang sama, ia membuka peluang perniagaan kepada rakyat negara ini.

Pada kita, satu keistimewaan Afrika Selatan adalah disebabkan kedudukannya yang dianggap berada di sempadan dalam interaksi di antara negara dunia pertama dan ketiga. Ia juga mampu merapatkan jurang di antara negara maju dan negara membangun.